

Sistem saliran didakwa punca Jalan Railway 1/2 dilanda banjir kilat

Penduduk tanggung derita

Oleh **MOHD. ZULFADLI SHARIFUDIN**
kota@utusangroup.com.my

PETALING JAYA 9 Sept. - Penduduk di Jalan Railway 1/2, Seksyen 1 di sini hidup dalam kebimbangan setiap kali hujan lebat kerana kediaman mereka pasti dilanda banjir kilat yang berpunca daripada longkang tersumbat.

Masalah itu dikatakan sudah menghantui penduduk sejak 40 tahun lalu tetapi setakat ini belum nampak jalan penyelesaiannya.

Sehubungan itu penduduk di kawasan itu menggesa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyelesaikan masalah berkenaan dengan melaksanakan segera kerja-kerja penyenggaraan dan baik pulih sistem saliran di situ.

Seorang penduduk, **Dhana Raj**, 59, berkata, mereka hidup dalam kebimbangan setiap kali hujan lebat. Menurutnya, setiap kali hujan air akan naik setinggi kira-kira setengah meter di atas jalan raya dan mengalir masuk ke rumah.

"Keadaan ini benar-benar meresahkan kami. Kami berharap pihak bertanggungjawab segera mencari

jalan penyelesaian kepada masalah ini," katanya ketika ditemui dalam sesi lawatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Gasing, Rajiv Rishyakaran ke lokasi terbabit baru-baru ini.

Pengerusi Tokong **Cheng Leong Keong**, **Tan Seng Kok**, 68, pula berkata masalah tersebut telah menjejaskan aktiviti harian mereka.


Menurutnya, setiap kali selepas air memasuki rumah mereka terpaksa menghabiskan masa dan tenaga untuk melakukan kerja-kerja pembersihan.

"Lebih membimbangkan keselamatan kami turut terancam dengan kemunculan binatang berbisa seperti ular dan kala jengking," katanya.

Sementara itu, Rajiv berharap pihak bertanggungjawab melakukan kerja-kerja pembersihan terlebih dahulu sebelum menaik taraf sistem saliran di kawasan itu.

Menurutnya, pembinaan parit baharu itu dijangka mengambil masa termasuk kos yang perlu diteliti.

"Penyelesaian jangka pendek ini perlu bagi memastikan keselesaan dan keselamatan orang ramai dan penduduk berhampiran," katanya.



DHANA RAJ




TAN SENG KOK



RAJIV Rishyakaran menjelaskan kepada wakil akhbar mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk sekitar Jalan Railway 1/2, di Seksyen 1, Petaling Jaya sewaktu meninjau kawasan itu baru-baru ini.



SEORANG pekerja pembersihan mengeluarkan sampah-sarap dari dalam longkang di Jalan Railway 1/2 yang menjadi punca banjir kilat.



SEBAHAGIAN penduduk yang membuang sampah ke dalam longkang juga wajar dipersalahkan kerana menyebabkan longkang tersumbat. - UTUSAN/NURAIN AZEMI